

02 AUG 1998

Chua-Susu

210 KLINIK DAN HOSPITAL BERSALIN SWASTA JADI SASARAN

MUAR, 2 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 210 buah hospital dan klinik bersalin swasta di seluruh negara didapati menjadi sasaran syarikat pengeluar susu formula bayi yang melanggar Kod Etika Produk Susu Formula Bayi.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata hospital dan klinik bersalin swasta itu masih belum mematuhi garis panduan bagi membolehkan Kementerian Kesihatan mengiktirafnya sebagai "Hospital Rakan Bayi".

"Setakat ini, hanya satu hospital swasta iaitu Hospital Mawar di Shah Alam diiktiraf sebagai hospital rakan bayi dan lebih 200 lagi belum mengikut garis panduan bagi mendapatkan pengiktirafan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Persatuan Kwantung di Jalan Bakri di sini.

Sehubungan itu, beliau meminta semua hospital dan klinik swasta berkenaan mematuhi garis panduan itu bagi mengelak daripada menjadi sasaran syarikat pengeluar susu formula terbabit.

Mengenai bilangan doktor hospital kerajaan yang berhijrah ke hospital swasta pula, Chua berkata jumlahnya berkurangan sebanyak 50 peratus sejak negara dilanda krisis ekonomi.

Katanya, antara faktor yang mempengaruhi fenomena itu ialah pesakit kini lebih gemar mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan berbanding hospital swasta yang biasanya mengenakan bayaran yang tinggi.

"Ketika keadaan (gawat) ini, pesakit tidak mampu lagi membayar kos perubatan yang tinggi terutamanya yang melibatkan perkhidmatan doktor pakar," katanya.

Beliau berkata, bilangan pesakit yang dimasukkan ke wad hospital kerajaan pula meningkat antara 10 dan 30 peratus.

Chua bagaimanapun memberi jaminan, walaupun berlaku peningkatan dalam jumlah pesakit itu, kakitangan di hospital kerajaan mencukupi bagi menghadapi situasi itu.

Ketika berucap, Chua yang juga Naib Presiden MCA berkata rakyat Malaysia perlu bersatu-padu dan menyokong penuh pelan pemulihan ekonomi yang dibentangkan oleh Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin baru-baru ini.

"Rakyat seharusnya berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan kerajaan Barisan Nasional dalam menangani masalah ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

SO RAM RHM